



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

JPES keluarkan 20 kompaun atas kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga

1. Sebanyak dua puluh kompaun telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi, melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), bagi tempoh 9 bulan kebelakangan atas kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan peraturan-peraturan di bawahnya.
2. Kesalahan-kesalahan yang kerap dilakukan oleh premis-premis perniagaan di dalam tempoh antara Julai 2025 dan Mac 2026 adalah kesalahan di bawah Bab 3B iaitu menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barangan yang dikawal harga terutamanya minyak masak. Diikuti dengan kesalahan di bawah Bab 5 berkaitan dengan Perintah Paparan Tanda Harga, iaitu gagal mempamerkan tanda harga pada barangan yang dijual di dalam premis perniagaan, dan mempamerkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem kaunter pembayaran.
3. Keterangan premis-premis perniagaan yang dikenakan kompaun, termasuk jenis kesalahan dan nilai kompaun yang dikenakan adalah seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah. Kadar kompaun yang dikenakan ditentukan berdasarkan kekerapan kesalahan yang dilakukan.

Bil.	Syarikat perniagaan	Kompaun
Kesalahan Bab 3B: Melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan		
1	LSB Sdn Bhd, Kg. Delima Satu	B\$500
2	Amri Razak Enterprise, Kg. Serusop	B\$500
3	Sahira Jaya Supermarket Sdn Bhd, Kg. Kelugus, Lumapas	B\$500
4	SBM Sdn Bhd, Kg. Jangsak	B\$500

5	RSA Sdn Bhd, Kg. Lambak Kiri	B\$500
6	SBM Sdn Bhd, Kg. Sengkurong	B\$500
7	MJY Trading, Kg. Manggis	B\$500
8	Seri Yasra Sdn Bhd, Kg. Kiulap	B\$1,000
9	Abul Sdn Bhd, Kg. Keriam, Tutong	B\$500
10	Green Mart Sdn Bhd, Kg. Tungku	B\$500
11	AVB Enterprise, Kg. Sg. Tilong	B\$500
12	Safar Minimart, Kg. Lugu	B\$500
13	Afifah Trading Company, Kg. Sg Buloh	B\$700
14	Soon Lee Mega Mart, Kg. Mentiri	B\$500
Kesalahan Bab 5: Melanggar Perintah Paparan Tanda Harga		
15	Amri Razak Enterprise, Kg. Serusop	B\$500
16	Syarikat Ashlam Enterprise, Kg. Lambak B	B\$500
17	Supa Save, Seria, Belait	B\$700
18	Halimon Trading Company, Kg. Mata-Mata	B\$1,000
19	Jaya Hypermarket Sdn Bhd, Kg. Mumong, Belait	B\$700
20	Nurfaize Minimart, Kg. Kiarong	B\$700

4. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya, kadar pematuhan terhadap Akta Kawalan Harga dan peraturan-peraturan di bawahnya dalam tempoh ini kekal konsisten pada kadar melebihi 95%. Ini mencerminkan komitmen berterusan majoriti premis perniagaan dalam mematuhi Akta tersebut, sekaligus menyumbang ke arah persekitaran perniagaan yang adil dan berfungsi dengan baik. JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna (JHEP) terus melaksanakan pemeriksaan rutin harian di keempat-empat daerah bagi mengekalkan kadar pematuhan yang tinggi.
5. JPES menegaskan bahawa amalan perniagaan yang beretika adalah asas dalam membina keyakinan pengguna dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil. Para peniaga dinasihatkan agar sentiasa menjalankan amalan perniagaan beretika dengan mempamerkan tanda harga yang jelas, betul dan tidak mengelirukan bagi membolehkan pengguna membuat keputusan pembelian yang bermaklumat. Peniaga juga perlu memastikan barangan yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Senarai harga barangan yang dikawal harga boleh diperolehi melalui laman sesawang JPES di www.deps.mofe.gov.bn.

6. JPES merakamkan penghargaan kepada orang ramai yang telah menyalurkan aduan secara bertanggungjawab dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran melalui saluran-saluran rasmi iaitu Talian Darussalam 123 dan e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn.

#####

Disediakan oleh:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan: (19)JPES/CAD/AKTA/PT.13

Tarikh: 9 Zulkaedah 1447 / 27 April 2026



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

DEPS issued 20 compounds for offences under the Price Control Act

1. A total of twenty compounds were issued by the Ministry of Finance and Economy through the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) over the last nine (9) months for offences under the Price Control Act, Chapter 142, and its regulations.
2. The most common offences committed by the business premises during the period between July 2025 and March 2026 were related to Section 3B, on the sale of price-controlled items above the prescribed maximum prices, particularly cooking oil. This was followed by offences under Section 5 relating to the Price Display Order, including failure to display prices on items sold within the business premises and displaying prices that are not consistent with the prices in the payment counter system.
3. Details of the business premises issued with compounds, including the types of offences and the amount imposed, are as outlined in the table below. The value of the compounds is determined based on the frequency of offences committed by the business premises.

No.	Business premises	Compound
Offences under Section 3B: Exceeding maximum prices and charges		
1	LSB Sdn Bhd, Kg. Delima Satu	B\$500
2	Amri Razak Enterprise, Kg. Serusop	B\$500
3	Sahira Jaya Supermarket Sdn Bhd, Kg. Kelugus, Lumapas	B\$500
4	SBM Sdn Bhd, Kg. Jangsak	B\$500
5	RSA Sdn Bhd, Kg. Lambak Kiri	B\$500

6	SBM Sdn Bhd, Kg. Sengkurong	B\$500
7	MJY Trading, Kg. Manggis	B\$500
8	Seri Yasra Sdn Bhd, Kg. Kiulap	B\$1,000
9	Abul Sdn Bhd, Kg. Keriam, Tutong	B\$500
10	Green Mart Sdn Bhd, Kg. Tungku	B\$500
11	AVB Enterprise, Kg. Sg. Tilong	B\$500
12	Safar Minimart, Kg. Lugu	B\$500
13	Afifah Trading Company, Kg. Sg Buloh	B\$700
14	Soon Lee Mega Mart, Kg. Mentiri	B\$500
Offences under Section 5: Infringements related to Price Display Order		
15	Amri Razak Enterprise, Kg. Serusop	B\$500
16	Syarikat Ashlam Enterprise, Kg. Lambak B	B\$500
17	Supa Save, Seria, Belait	B\$700
18	Halimon Trading Company, Kg. Mata-Mata	B\$1,000
19	Jaya Hypermarket Sdn Bhd, Kg. Mumong, Belait	B\$700
20	Nurfaize Minimart, Kg. Kiarong	B\$700

4. Nevertheless, the overall compliance rate with the Price Control Act and its regulations during this period has remained consistent, exceeding 95%. This reflects the continued commitment of the majority of businesses to adhere to the Act, contributing towards a fair and well-functioning business environment. DEPS, through the Department of Consumer Affairs (DCA), continues to conduct routine daily inspections across all four districts to maintain high business compliance.
5. DEPS reiterates that ethical business practices are fundamental in building consumer confidence and fostering a fair business environment. Businesses are advised to consistently uphold ethical business practices by displaying clear, accurate, and non-misleading price information to enable consumers to make informed purchase decisions. Businesses must also ensure that price-controlled items under the Price Control Act are not sold above the prescribed maximum prices. The list of price-controlled items can be accessed through the DEPS website at www.deps.mofe.gov.bn.
6. DEPS would like to express its appreciation to members of the public who have responsibly submitted complaints with complete information, including supporting documents such as payment receipts, through official channels, namely Talian Darussalam 123 and email at consumercomplaint@jpes.gov.bn.

#####

Prepared by:

Department of Economic Planning and Statistics

Ministry of Finance and Economy

Email: dca@jpes.gov.bn

Reference: (19)JPES/CAD/AKTA/PT.13

Date: 9 Zulkaedah 1447 / 27 April 2026